

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 26

Rahmat Trading adalah sebuah perniagaan milikan tunggal yang menjalankan perniagaan di Taman Razaki, Ipoh. Berikut ialah baki asset dan liabiliti perniagaannya pada 31 Disember 2016.

	RM
Modal	50,000
Bank	17,300
Pemiutang	10,110
Penghutang	5,960
Untung bersih	16,030
Stok	17,560
Lengkapan	30,000
Alatan pejabat	5,320

Urusniaga dalam bulan Januari 2017 adalah seperti berikut:

- (i) Seorang akaun belum terima, En Loh, telah diisytiharkan muflis dan hutangnya yang berjumlah RM420 dihapuskan sebagai hutang lapuk
- (ii) Membeli alatan pejabat dengan cek RM1,780.
- (iii) Menjual barang niaga secara kredit RM3,500 kepada Julia Enterprise. Kos inventori ialah RM3200.
- (iv) Menerima dua keeping cek berjumlah RM3,400 daripada akaun belum terima untuk menyelesaikan hutang berjumlah RM3800.
- (v) Menjual stok pada harga kos RM5800 dan terima cek RM6,000.
- (vi) Membayar gaji pekerja dengan cek RM700.

Berdasarkan maklumat di atas, sediakan penyata kedudukan kewangan (format akaun) pada 31 Januari 2017. Tunjukkan jalan kerja secara berasingan dengan menggunakan jadual persamaan perakaunan yang sesuai.